

## Panasonic Perkenal Penyaman Udara Inverter Baharu

**Ampang, 24 Mei 2024** — Panasonic melancarkan Siri Penyaman Udara Inverter baharu — Siri X-Deluxe Inverter, Siri Inverter Pintar, Siri Inverter Standard & Siri Eco Inverter. Di tengah-tengah peningkatan perbelanjaan untuk tenaga dan kepentingan mewujudkan ruang kediaman yang selesa dan sihat, kehadiran Penyaman Udara terkini Panasonic dilihat menjadi simbol inovasi dan boleh dipercayai.

“Berikutan kepentingannya dalam kehidupan, penyaman udara kini menjadi satu keperluan, bukan lagi kemewahan untuk rakyat Malaysia. Penyaman udara memberi kelegaan daripada haba, menjadikan ruang dalaman lebih selesa untuk menjalani aktiviti riadah, bekerja dan berehat. Kami sedar tentang kesan penggunaan penyaman udara berlebihan kepada alam sekitar, justeru kami berusaha untuk mempromosikan sistem yang lebih cekap tenaga. Ia adalah untuk mengimbangi keperluan kehidupan selesa yang dilengkapi dengan aspek kelestarian dan penjimatan kos. Perkara yang penting kepada rakyat Malaysia,” kata Dai Nishi, Ketua Pegawai Operasi Panasonic Air-Conditioning Malaysia.

Panasonic juga menyedari bahawa isi rumah moden bimbang mengenai kualiti udara dalaman, peningkatan penggunaan tenaga dan kepentingan mewujudkan persekitaran hidup yang lebih baik untuk keluarga.

Dai menambah, “Siri penyaman udara baharu kami memberi penekanan kepada slogan "BeyondTheCool", yang mencerminkan semangat kami dalam membangunkan penyelesaian penyaman udara berkualiti tinggi. Kami telah menjangkau keupayaan penyaman udara konvensional, malah mengekalkan kelestarian dan ruang yang lebih sihat menerusi inovasi teknologi baharu serta mesra alam dalam usaha meningkatkan pengalaman hidup atau bekerja bagi pelanggan kami.”

Penyaman Udara terbaharu Panasonic memenuhi pelbagai keperluan individu yang mengutamakan keselesaan, boleh dipercayai dan mampan di kediaman mereka. Penyaman udara Panasonic direka untuk memenuhi keperluan sama ada anda seorang usahawan yang giat berusaha untuk mewujudkan persekitaran lebih baik kepada keluarga atau seorang berjaya yang mahu menjalani kehidupan terbaik. Dengan ciri seperti Teknologi nanoe™ X untuk udara dalaman yang lebih segar, teknologi Inverter cekap tenaga, dan mod intuitif AI ECO, penyaman udara Panasonic bakal menarik minat sesiapa sahaja yang mementingkan prestasi dan kemudahan unggul dalam memiliki penyelesaian penyejukan mereka.

### Ciri-ciri Utama dan Inovasi

- **Teknologi nanoe™ X:** Penyaman Udara Panasonic baharu dilengkapi dengan Teknologi nanoe™ X terkini yang menawarkan keupayaan penyahbau dan perencat debunga yang dipertingkatkan bagi memastikan persekitaran dalaman yang lebih segar dan bersih.
- **Teknologi Inverter:** Teknologi inverter Panasonic dapat memastikan kawalan suhu yang tepat untuk menawarkan sistem penyejukan yang konsisten, sambil menjimatkan tenaga sehingga 59%.
- **AI ECO:** Dengan mod AI ECO, penyaman udara melaras penggunaan tenaga dengan pintar berdasarkan variasi suhu masa nyata, selain memaksimumkan penjimatan tenaga sehingga 20%.
- **Aerowings:** Ciri *aerowings* memberi tumpuan kepada aliran udara sejuk untuk meliputi ruang dengan lebih pantas, sekali gus memastikan pengedaran hawa sejuk yang sekata dan dapat meningkatkan keselesaan.
- **Aplikasi Comfort Cloud:** Aplikasi yang selesa digunakan membolehkan pengguna menyambung dan mengawal berbilang penyaman udara dari mana-mana, pada bila-bila masa, seterusnya menyediakan kemudahan dan ketenangan fikiran.

## **Memperkenalkan Siri Penyejuk Pintar Inverter X-Deluxe (KU)**

Siri KU menetapkan standard baharu dalam aspek keselesaan kediaman dengan ciri-ciri inovatif dan teknologi termajunya. Memiliki fungsi WiFi terbina dalaman dan penarafan tenaga 5-bintang, siri ini menawarkan ketersambungan yang tiada tandingan dan cekap tenaga. Tidak kira sama ada pemilik kediaman merupakan individu celik teknologi atau pengguna yang mementingkan alam sekitar, Siri KU ini menyediakan keseimbangan prestasi dan kelestarian yang sempurna dalam memastikan ruang kediaman yang sejuk serta selesa sambil mengurangkan kos tenaga.

## **Alami Keselesaan Unggul dengan Siri X-Deluxe Inverter (RU)**

Eksklusif untuk rangkaian kedai, Siri X-Deluxe Inverter (RU) menggabungkan teknologi canggih dengan reka bentuk anggun bagi menawarkan prestasi penyejukan yang unggul. Tampil dengan teknologi nanoe™ X dan mod AI ECO, siri ini direka untuk menawarkan keselesaan optimum dan menjimatkan tenaga. Dengan memberi penekanan kepada kualiti dan kebolehpercayaan, Siri X-Deluxe Inverter (RU) adalah pilihan ideal untuk pengguna bijak yang mahukan yang terbaik untuk kediaman mereka.

## **Tingkatkan Ruang Anda dengan Siri Inverter Pintar (LU)**

Direka eksklusif untuk aplikasi E-COMM & Project, Siri Inverter Pintar (LU) menawarkan penyelesaian penyejukan yang boleh dipercayai untuk pelbagai tetapan. Dengan ciri penting seperti teknologi Inverter dan mod AI ECO, siri ini dapat memastikan aspek keselesaan yang konsisten sambil memaksimumkan kecekapan tenaga. Sama ada ia melengkapkan ruang projek komersial atau kediaman, Siri Inverter Pintar (LU) menyediakan prestasi yang boleh dipercayai.

## **Kecekapan Mampu Milik dengan Siri Inverter Standard (PU)**

Siri Inverter Standard (PU) menawarkan penyelesaian penyejukan mampu milik tanpa berkompromi dengan aspek prestasi. Dengan pilihan ketersambungan WiFi dan penarafan tenaga 5-bintang, siri ini menawarkan penyejukan cekap untuk pengguna yang mementingkan bajet. Sama ada seseorang itu ingin menyejukkan apartmen kecil atau rumah yang lebih besar, Siri Inverter Standard (PU) menawarkan prestasi yang boleh dipercayai pada harga berpatutan.

## **Boleh diakses Penyejukan Selesa dengan Siri Inverter Eco (YU)**

Sesuai untuk pengguna yang mementingkan bajet, Siri Inverter Eco (YU) menawarkan prestasi penyejukan yang boleh dipercayai pada harga berpatutan. Dengan pilihan ketersambungan WiFi dan penarafan tenaga 3-bintang, siri ini menyediakan ciri penting untuk kehidupan yang selesa tanpa membebankan poket anda. Sama ada seseorang itu mahu menyejukkan bilik tidur, ruang tamu atau ruang pejabat, Siri Inverter Eco (YU) dapat memastikan aspek penyejukan selesa untuk semua.

Panasonic sedang menganjurkan kempen “On Lah Jimat & Selamat, Bila-Bila Masa” untuk penyelesaian penyaman udara terbaharu mereka dengan matlamat mendidik pengguna tentang faedah teknologi inverter sambil mempromosikan kecekapan dan penjimatan tenaga.

Penyaman udara Panasonic boleh didapati bermula dari RM 1,684 dan ke atas. Sila lawati pengedar sah Panasonic terdekat atau layari [laman web](#), [Facebook](#) or [Instagram rasmi](#) untuk mengetahui lebih lanjut mengenai produk berkenaan.

## **Mengenai Panasonic Malaysia**

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic produk elektrik dan elektronik yang terdiri daripada audio visual, peralatan rumah, penghawa dingin, kualiti udara dalaman, perniagaan solar, kamera digital & video, peralatan penyiaran profesional, penyelesaian sistem, telekomunikasi, penjagaan kesihatan & kecantikan, bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh didapati melalui pengedar sah kami di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut mengenai jenama dan produk Panasonic, layari laman web kami di [www.panasonic.com.my](http://www.panasonic.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-7953 7600.

## **Hubungan Media**

### **Stella Lim**

Ketua Jabatan

Jabatan Komunikasi Pemasaran

**Panasonic Malaysia Sdn. Bhd.**

Lot 10, Jalan 13/2, 46200 Petaling Jaya, Selangor.

Email: [stella.lim@my.panasonic.com](mailto:stella.lim@my.panasonic.com)

Pejabat: +603-7809 7605

### **Mazlee Mokhtar**

Pengurus, Komunikasi Korporat

Jabatan Komunikasi Pemasaran

**Panasonic Malaysia Sdn. Bhd.**

Lot 10, Jalan 13/2, 46200 Petaling Jaya, Selangor.

Email: [mazlee.mokhtar@my.panasonic.com](mailto:mazlee.mokhtar@my.panasonic.com)

Pejabat: +603-7809 7877